

Laman Mikro
BERNAMA Perbankan &
Kewangan Automotif Penerbangan Maritim

UTAMA

AM

POLITIK

EKONOMI

SUKAN

RENCANA

DUNIA

[| Laman Utama](#) | [| Tentang BERNAMA](#) | [| Peta Laman](#) | [| Hubungi Kami](#) | [| Senarai Berita](#) | [| Arkib Berita](#)**BERNAMA.COM**

utama » berita

26 Mei, 2010 22:09 PM

Theta Edge Bekerjasama Dengan Sas Malaysia Tembusi Pasaran Luar Negara

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Penyedia perkhidmatan teknologi maklumat tersenarai awam, Theta Edge Bhd, bekerjasama dengan penyedia penyelesaian analisis perniagaan, SAS Malaysia, sebagai sebahagian daripada strateginya untuk menembusi pasaran luar negara.

Dalam satu kenyataan di sini, Rabu, Theta Edge berkata usaha sama itu akan mengkomersilkan sistem aplikasi haji dipertingkat yang akan diperluaskan kepada anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Sistem tersebut, yang dikenali sebagai Enterprise Haj Registration and Management (EHRAMS), pada awalnya dibangunkan bagi Lembaga Tabung Haji. Ia merupakan satu daripada sistem haji paling cekap, bersistematik dan diurus dengan baik," kata syarikat itu.

Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Theta Edge Nor Badli Mohd Alias, berkata EHRAMS yang berasaskan kepada web baharu itu akan dipertingkatkan dengan teknologi SAS bagi menyokong pengendali haji di seluruh dunia.

"Syarikat itu telah memulakan pengenalan EHRAMS ke Indonesia, Bosnia dan Turki dan ia mendapat sambutan yang menggalakkan," katanya.

Sementara itu, ketua bahagian perikatan SAS, Jonathan Lee, berkata EHRAMS boleh digunakan untuk menggalakkan kesamaan operasi haji bagi semua negara Islam.

-- BERNAMA

***Kami menyediakan langganan
berita melalui perkhidmatan [Newswire](#).***

[+ Kembali](#) [+ Ke Atas](#)

[Laman Utama](#) | [Am](#) | [Politik](#) | [Ekonomi](#) | [Sukan](#) | [Rencana](#) | [Dunia](#) | [Senarai Berita](#) | [Arkib Berita](#) | [Suapan Media Relations & Event Management \(MREM\)](#) | [BERNAMA Library Infolink Service \(BLIS\)](#) | [BERNAMA Media](#) | [Perkhidmatan Foto BERNA](#)

Bahan ini tidak boleh diulang terbit, ulang siar, tulis kembali atau diulang edar melainkan dengan kebenaran be
Paparan terbaik menggunakan Firefox 3.0 & Internet Explorer 7.0 dalam resolusi 1024 x 768 piksel